

PM: Sektor pendidikan tarik pelajar asing

UM 24 MAY 2002

SEOUL 23 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sektor pendidikan tinggi yang menjadi salah satu perkhidmatan eksport negara akan dipertingkatkan dengan mewujudkan lebih banyak lagi pusat pengajian tinggi swasta bagi menarik pelajar asing ke Malaysia.

Menurutnya, universiti-universiti luar negara yang ternama di Amerika Syarikat, Britain dan Australia telah menubuhkan cawangan dan program berkembar di Malaysia.

“Penekanan akan diberikan oleh kerajaan dengan membantu perkembangan pendidikan tinggi melalui penubuhan universiti-universiti swasta yang baru dan diperluaskan keupayaan pengajaran di pusat-pusat tersebut,” katanya semasa berucap di majlis makan tengah hari dengan masyarakat perniagaan Korea Selatan di sini hari ini.

Perdana Menteri berada di negara ini sempena lawatan rasminya selama dua hari atas undangan Presiden Kim Dae-jung.

Sambil mengalu-alukan pelajar Korea untuk belajar di universiti-universiti swasta di Malaysia, Dr. Mahathir berkata, pusat pengajian tinggi Korea juga boleh terlibat sama dalam perkembangan tersebut.

Di majlis itu juga, Perdana Menteri turut menyaksikan upacara menandatangani tujuh memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia dan Korea Selatan.

Antaranya ialah antara MATRADE dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea (KITA); NAZA Kia Sdn. Bhd. dengan KIA Motors Corporation serta Telekom Malaysia Bhd. dan KT Corporation.

Mengenai hubungan dagangan dua hala, Dr. Mahathir berkata, Republik Korea merupakan rakan dagang ke-8 terbesar bagi Malaysia, pasaran eksport ke-9 dan sumber import ke-6 terbesar.

Dalam memastikan Malaysia adalah pilihan bagi menempatkan pelaburan, katanya, kerajaan sentiasa membaiki dasar-dasar pelaburannya dan insentif serta menyediakan bantuan kepada pelabur. — *Utusan*